

# ANALISIS KATA PROGRESIF “SEDANG” BAGI PREDIKAT PENCAPAIAN DALAM BAHASA MELAYU

*(The Analysis of the Progressive Verb “Sedang” for Achievement  
Predicates in Malay)*

*Nuruljannah Ayob*

nuruljannah.ayob2015@gmail.com

*Jewellery Bumpoh*

jewellery2010@hotmail.com

*Maslida Yusof*

maslida@ukm.my

Pusat Penyelidikan Bitara Melayu,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## **Abstrak**

Makalah ini bertujuan menganalisis kata progresif “sedang” bagi kelas predikat pencapaian bahasa Melayu. Progresif memberikan peranan kepada sesuatu yang bukan keadaan, iaitu kepada lakuan dan proses, serta boleh muncul secara natural dengan kata kerja bukan keadaan. Dalam bahasa Melayu, penanda yang merujuk perbuatan yang terus berlangsung dan belum selesai biasanya ditandai oleh kata kerja bantu aspek sedang, tengah (bahasa kolokial untuk sedang) dan masih. Namun demikian, kajian ini hanya memfokuskan kata progresif “sedang” sahaja untuk menentukan kelas predikat pencapaian. Kelas predikat pencapaian merujuk pertukaran sesuatu keadaan dengan kadar yang segera. Dalam sesuatu jangka masa pendek, sesuatu perubahan boleh mewujudkan sesuatu keadaan yang baharu. Dengan itu, kelas

predikat pencapaian ditandai sebagai satu lakuan yang mempunyai titik penamat. Kebiasaannya, kelas predikat pencapaian menerangkan perubahan yang segera daripada sesuatu keadaan kepada sesuatu keadaan yang baharu. Kajian ini memanfaatkan data daripada sumber pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka serta dianalisis menggunakan konsep semantik teori tatabahasa peranan dan rujukan (TPR) – Van Valin (2005) dan pendekatan Rothstein (2004). Pengkaji terdahulu menjelaskan bahawa kata progresif sedang tidak boleh hadir dengan ayat kelas predikat pencapaian. Namun begitu, janaan data korpus menyangkal pernyataan tersebut.

Kata kunci: kata progresif sedang, kelas predikat pencapaian, teori tatabahasa peranan dan rujukan, data korpus, bahasa Melayu.

#### **Abstract**

*This paper aims to analyse the progressive verb “sedang” for the class of achievement predicates in the Malay language. Progressive verbs accord a role to a word which expresses an action or process, it could also appear naturally with verbs which express a state (thoughts, emotions etc). In the Malay language, a marker that refers to the act of ongoing and incomplete action is normally indicated by an auxiliary verb progressive aspect for example “sedang” and “tengah” (colloquial form of “sedang”) and “masih”. However, this study focuses only on the progressive verb “sedang” in order to determine the class of achievement predicates. Essentially, the class of achievement predicates refers to the instantaneous change of a certain state. In an instantaneous condition, a change could create a new state. Thus, the class of achievement predicates is marked as an act which has an inherent endpoint. Generally, a class of achievement predicates describes the instantaneous change of a certain state to a new one. This study benefited from the database of Dewan Bahasa dan Pustaka, and the data were analysed using the concept of semantic theory, Van Valin’s role and reference grammar (RRG) and Rothstein’s approach (2004). Previous researchers explained that it is not possible for the progressive verb “sedang” to exist with the class of achievement predicates. However, the corpus generation challenges the above mentioned claim.*

*Keywords: progressive verb “sedang”, achievement predicates, role and reference grammar theory, corpus data, the Malay language*

## PENDAHULUAN

Kata kerja dalam bahasa Melayu dapat dikelaskan berdasarkan representasi predikat, iaitu representasi dekomposisi *aktionsart*. Pengklasifikasian kelas predikat dalam bahasa Melayu telah dilakukan oleh Maslida *et al.* (2008) dan Maslida (2012) berdasarkan aspek situasi, iaitu kelas predikat keadaan, pencapaian, penyempurnaan, semelfaktif, aktiviti dan aktif penyempurnaan. Perincian bagi setiap kelas predikat tersebut dilakukan berdasarkan pemerian yang dilakukan oleh Vendler (1967) yang membahagikan kelas predikat kepada predikat keadaan, aktiviti, pencapaian dan kesempurnaan, serta penambahan yang dilakukan oleh Van Valin (2005) dalam teori tatabahasa peranan dan rujukan (TPR), iaitu kelas predikat aktif penyempurnaan dan kelas predikat semelfaktif. Setiap pengelasan tersebut dilakukan berdasarkan fitur distingtif seperti [+statik], [+dinamik], [+titik penamat] dan [+ketepatan masa] untuk menunjukkan ciri-ciri kata kerja berdasarkan representasi semantik. Fitur keterbatasan bagi setiap kelas predikat tersebut adalah seperti Jadual 1 berikut.

**Jadual 1** Fitur keterbatasan bagi setiap kelas predikat.

Kelas Predikat	[statik]	[dinamik]	[titik penamat]	[Ketepatan masa]
Keadaan	[+statik]	[- dinamik]	[- titik penamat]	[- ketepatan masa]
Aktiviti	[- statik]	[+dinamik]	[- titik penamat]	[- ketepatan masa]
Penyempurnaan	[- statik]	[- dinamik]	[+titik penamat]	[- ketepatan masa]
Pencapaian	[- statik]	[- dinamik]	[+titik penamat]	[+ketepatan masa]
Semelfaktif	[- statik]	[+dinamik]	[- titik penamat]	[+ketepatan masa]
Aktif penyempurnaan	[- statik]	[+dinamik]	[+titik penamat]	[-ketepatan masa]

Jadual 1 tersebut merupakan ciri kelas predikat yang terdapat dalam bahasa Melayu berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Maslida (2005). Pemerhatian yang dilakukan berdasarkan kajian tersebut memperlihatkan

bahawa dalam setiap ujian progresif “sedang” bagi kelas predikat pencapaian menunjukkan bahawa kelas predikat pencapaian tidak boleh hadir bersama-sama dengan kata progresif kerana mengandungi fitur [-statik]. Berdasarkan pandangan tersebut, penelitian lanjutan dilakukan terhadap data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi melihat pola kehadiran kata progresif “sedang” bersama-sama dengan kelas predikat pencapaian.

### **Kelas Predikat Pencapaian**

Kelas predikat pencapaian merujuk pertukaran sesuatu keadaan dengan kadar yang segera. Dalam suatu jangka masa pendek, sesuatu perubahan boleh mewujudkan sesuatu keadaan yang baharu. Dengan itu, kelas predikat pencapaian ditandai mempunyai titik penamat atau akhir, iaitu fitur [+titik penamat]. Hal ini dikatakan demikian kerana kelas predikat pencapaian menerangkan perubahan yang segera daripada sesuatu keadaan kepada sesuatu keadaan yang baharu, serta permulaan dan penamat bagi sesuatu keadaan, biasanya berlaku secara serentak. Selanjutnya, predikat pencapaian tidak bersifat dinamik kerana tidak melibatkan aksi dan tidak boleh hadir bersama-sama dengan kata adverba seperti “bersemangat”. Oleh sebab itu, ujian progresif “sedang” yang dilakukan dalam kajian terdahulu menunjukkan bahawa kelas predikat pencapaian tidak boleh menerima progresif dan kata adverba seperti ayat *\*Belon itu sedang meletup dengan bersemangatnya*.

Seterusnya, berdasarkan kajian terdahulu, terdapat pelbagai istilah yang digunakan untuk menjelaskan kelas predikat pencapaian ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Pengelasan predikat pencapaian yang pelbagai ragam memberikan gambaran bahawa kelas predikat pencapaian merupakan kelas predikat yang menarik untuk diteliti dan dianalisis. Kajian ini tertarik oleh konsep yang dikemukakan oleh Bach (1981) yang menyatakan bahawa kelas predikat pencapaian sebagai satu keadaan yang serta-merta (*instantaneous*); dan dalam kajian lanjutannya, Bach (1989) menjelaskan bahawa kelas predikat pencapaian sebagai satu keadaan yang semerta (*momentaneous*) dan membahagikannya kepada kemuncak (*culmination*) dan peringkat (*point*). Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa konsep kelas predikat pencapaian-kemuncak (*culmination-achievement*) penting sebagai indikator dalam kajian ini bagi menjelaskan kehadiran kata progresif “sedang” dalam kelas predikat pencapaian.

**Jadual 2** Kelas predikat pencapaian oleh pengkaji terdahulu (Gyarmathy, 2015).

<b>PENKKAJI</b>	<b>PENGELASAN PREDIKAT PENCAPAIAN</b>
Vendler (1957)	<i>Achievement</i>
Kenny (1963)	<i>Performance</i>
Comrie (1976)	<i>Achievement</i>
Taylor (1977)	<i>Kinesis-verb</i>
Mourelatos (1978)	<i>Punctual occurrence</i>
Dowty (1979)	<i>Single change of state</i>
Carlson (1981)	<i>Achievement</i>
Bach (1981)	<i>Event</i>
	<i>Instantaneous</i>
Bach (1986)	<i>Event</i>
	<i>Momentaneous</i>
	<i>Culmination</i> <i>Point</i>
Moens dan Steedman (1989)	<i>Culmination</i>
Verkuyl (1989)	<i>Event</i>
Parsons (1990)	<i>Event</i>
	<i>Achievement</i>
Pustejovsky (1991)	<i>Transition</i>
Smith (1991)	<i>Achievement</i>
<b>CONTOH</b>	<b><i>Reach the top</i>                      <i>Recognise</i></b>

Secara umumnya, kata progresif memberikan peranan kepada sesuatu yang bukan keadaan, iaitu kepada lakuan dan proses. Progresif boleh muncul secara natural dengan kata kerja bukan keadaan. Dalam bahasa Melayu, penanda yang merujuk perbuatan yang terus berlangsung dan belum selesai biasanya ditandai oleh kata kerja bantu aspek sedang, tengah (bahasa kolokial untuk sedang) dan masih (Asmah, 2009, hlm. 122). Asmah (2009) membezakan “sedang” sebagai kata yang merujuk perbuatan yang terus berlangsung dan belum selesai seperti ayah sedang tidur, dan tidak boleh bergabung dengan kata sifat misalnya \**dia sedang cantik*, manakala “masih” menunjuk perbuatan, keadaan, dan sifat yang berlangsung dan belum selesai, serta menunjuk peralihan waktu antara dua perbuatan atau

keadaan. Misalnya, Pak Ali sudah tua, matanya masih terang. Hal ini jelas menunjukkan bahawa “masih” boleh hadir sebelum kata sifat, manakala kata progresif “sedang” tidak boleh hadir sebelum kata sifat. Seterusnya, berdasarkan kajian terdahulu, mustahil kata progresif “sedang” untuk hadir dalam kelas predikat pencapaian kerana kelas predikat mempunyai fitur [-statik] dan [+penamat], iaitu keadaan yang tidak menunjukkan proses dan belum selesai. Namun demikian, janaan data korpus DBP memperlihatkan fenomena yang sebaliknya, apabila terdapat data yang menunjukkan kata progresif “sedang” boleh hadir dalam kelas predikat pencapaian dalam konteks tertentu.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian ini hanya memfokuskan kelas predikat pencapaian dalam bahasa Melayu kerana penggunaan kata progresif “sedang” dalam predikat pencapaian telah menimbulkan isu yang menarik untuk dikaji dan diberikan perhatian. Menurut Van Valin (2005), kelas predikat pencapaian tidak boleh hadir dengan progresif “sedang” kerana berlaku dengan sangat segera dan tiada proses yang dapat dinilai ketika lakuan tersebut berlangsung. Pernyataan tersebut disokong oleh Vendler (1957) yang mengatakan bahawa kelas predikat pencapaian secara umumnya tidak boleh hadir dengan progresif yang ditandai dengan “-ing” dalam bahasa Inggeris. Dalam bahasa Melayu pula, hal ini telah disokong oleh Maslida (2006) berdasarkan ujian yang dilakukan dalam pengelasan kelas predikat pencapaian.

Namun begitu, janaan data korpus DBP menunjukkan hal yang sebaliknya. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk membuktikan bahawa kata progresif “sedang” boleh hadir dalam kelas predikat pencapaian dalam bahasa Melayu berdasarkan persoalan dalam konteks bagaimana kata predikat pencapaian boleh hadir dengan kata progresif “sedang”? Selain pembuktian berdasarkan janaan data korpus, Rothstein (2004) turut menjelaskan bahawa terdapat kelas predikat pencapaian yang secara bebas hadir dengan progresif “sedang”. Oleh itu, kajian ini akan menerapkan teori tatabahasa peranan dan rujukan oleh Van Valin (2005) dan pendekatan Rothstein (2004) dalam hal menghuraikan fenomena tersebut.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Setiap kajian yang dijalankan, seharusnya mempunyai kepentingan tersendiri, begitu juga dengan kajian ini. Kepentingan kajian ini adalah untuk memberikan penghuraian yang lebih jelas terhadap fenomena kehadiran kata progresif “sedang” dalam predikat pencapaian dalam bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini turut memperlihatkan penggunaan data secara komprehensif apabila memanfaatkan data teks sebenar daripada korpus DBP. Pemanfaatan data korpus merupakan suatu pendekatan linguistik berorientasikan data intensif. Menurut Zaharani (2008), linguistik korpus merupakan suatu pendekatan yang dapat dimanfaatkan untuk menyelesaikan permasalahan linguistik seperti semantik, sintaksis, dan pragmatik.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti kehadiran kata progresif “sedang” dalam predikat pencapaian bahasa Melayu dalam data korpus; dan menganalisis ciri kehadiran kata progresif “sedang” dalam predikat pencapaian bahasa Melayu.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan atau dikenali sebagai tinjauan kepustakaan Mohd Shaffie (1987), kerana hanya memanfaatkan data daripada sistem pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Bagi memperlihatkan fenomena kehadiran kata progresif “sedang” dalam kelas predikat pencapaian, janaan entri “sedang” dilakukan terlebih dahulu. Kemudian, proses pengenalpastian kata progresif “sedang” yang hadir dalam kelas predikat pencapaian dilakukan. Namun, hanya beberapa data yang mencerminkan pola yang konsisten dimanfaatkan dalam kajian ini untuk diteliti berdasarkan teori tatabahasa peranan dan rujukan (TPR) yang dikemukakan oleh Van Valin (2005) dan pendekatan Rothstein (2004).

Menerusi teori TPR, Van Valin (2005) menjelaskan bahawa setiap kelas predikat ditandai dengan fitur keterbatasan.<sup>1</sup> Dalam penentuan kelas predikat tersebut, terdapat beberapa ujian sintaksis dan semantik dimanfaatkan seperti ujian progresif “sedang” (yang menjadi fokus utama

kajian ini), ujian adverba kesemangatan, ujian adverba kadar dan ujian frasa “selama masa” dan “dalam masa”. Selain teori TPR tersebut, pendekatan Rothstein (2004) juga sependapat dalam hal menentukan fitur keterbatasan bagi kelas predikat pencapaian, iaitu [-statik] dan [+titik penamat]. Rothstein (2004) juga menyokong pandangan yang dikemukakan oleh Bach (1989) tentang pembahagian kelas predikat pencapaian tetapi lebih berpendapat untuk terus mengekalkannya sebagai kelas predikat pencapaian semata-mata. Oleh itu, kajian ini bakal menerapkan kedua-dua pandangan daripada tokoh tersebut untuk meneliti kehadiran kata progresif “sedang” dalam kelas predikat pencapaian.

### **KATA PROGRESIF “SEDANG” DALAM KELAS PREDIKAT PENCAPAIAN**

Berdasarkan janaan data korpus, kata progresif “sedang” boleh hadir dalam predikat pencapaian seperti (1) *sedang meletup*; (2) *sedang meletus*; (3) *sedang berpecah*; (4) *sedang muncul*; dan (5) *sedang sampai*. Yang berikut merupakan analisis yang dilakukan terhadap data janaan korpus DBP:

#### Data 1

- a. Milikilah album terbaru daripadanya yang mengandungi lagu merdu “Syurga di Hati Kita” yang **sedang meletup** dan popular sekarang ini.
- \*b. Milikilah album terbaru daripadanya yang mengandungi lagu merdu “Syurga di Hati Kita” yang **meletup** dan popular sekarang ini.
- c. Ketika ini, single pertamanya berjudul “Dia Milikku” **sedang meletup** di corong radio dan ini memberikan sinar buat gadis cilik itu.
- \*d. Ketika ini, single pertamanya berjudul “Dia Milikku” **meletup** di corong radio dan ini memberikan sinar buat gadis cilik itu.

Berdasarkan (1a) dan (1c) di atas, kata progresif “sedang” wujud di hadapan kata kerja “meletup”. Penggunaan kata progresif “sedang” dalam (1a) dan (1c) merujuk penerangan tentang ciri keadaan semasa bagi sesuatu lagu yang tengah hangat atau popular. Kehadiran kata progresif “sedang” dalam predikat pencapaian ‘meletup’ dalam konteks (1a) dan (1c) dilihat disebabkan wujudnya pola penggunaan adverba masa, iaitu *sekarang ini* yang berada di kedudukan akhir ayat dan *ketika ini* di kedudukan awal



ayat. Sekiranya kata progresif “sedang” tidak wujud di hadapan kata kerja “meletup” seperti contoh (1b) dan (1d), ayat ini akan menjadi tidak gramatis, dan perkataan “lagu” atau “single” tidak boleh digambarkan sebagai suatu objek yang boleh meletup. Ketiadaan kata progresif “sedang” akan mengubah makna serta kegramatisan ayat tersebut, sekali gus tidak membawa konteks makna yang menerangkan ciri keadaan bahawa lagu tersebut sedang menjadi trend semasa berdasarkan konteks adverba masa yang ditunjukkan.

Menerusi penerapan teori TPR serta pendekatan Rothstein (2004), penggunaan kata progresif “sedang” dalam ayat (1a) dan (1c) menunjukkan ciri kelas predikat pencapaian-kemuncak, iaitu kelas predikat yang menggambarkan sesuatu yang bersifat abstrak serta menerangkan suatu trend semasa kerana keadaan yang berlaku bersifat semerta dan hanya mengalami perubahan makna dalam ayat sahaja. Pernyataan ini juga disokong seperti dapatan dalam (2a) dan (2c) berikut.

## Data 2

- a. Entah mengapa, terasa seperti suara-suara parau yang bergemuruh **sedang meletus** dari belakangnya.
- \*b. Entah mengapa, terasa seperti suara-suara parau yang bergemuruh **meletus** dari belakangnya.
- c. Jika dibandingkan dengan teliti, penduduk di setiap negara **sedang meletus**, baik di negara maju mahupun di negara kurang maju.
- \*d. Jika dibandingkan dengan teliti, penduduk di setiap negara **meletus**, baik di negara maju mahupun di negara kurang maju.

Berdasarkan (2a) tersebut, kata progresif “sedang” wujud di hadapan kata kerja “meletus”. Penggunaan kata progresif “sedang” dalam konteks (2a) merujuk keadaan suara aneh yang didengar oleh seseorang. Ayat (2a) tersebut menunjukkan bahawa kata progresif “sedang” boleh hadir dalam kelas predikat pencapaian tanpa kata adverba masa. Kehadiran progresif “sedang” dalam konteks (2a) ini wujud disebabkan oleh ciri untuk menerangkan sesuatu keadaan. Sekiranya kata progresif “sedang” tidak wujud bersama-sama dengan kelas predikat pencapaian “meletus” seperti dalam (2b), ayat ini akan menjadi tidak gramatis dan tidak menggambarkan ciri semerta sesuatu perkara itu berlaku. Kata kerja “meletus” juga tidak boleh hadir selepas perkataan “bergemuruh” kerana ketidaksesuaian dari sudut sintaksisnya dan akan kedengaran janggal seperti ayat (2b).

Oleh itu, ketidakhadiran kata progresif “sedang” akan mengubah makna keseluruhan ayat.

Seterusnya, data (2c) pula menggambarkan kata progresif “sedang” wujud di hadapan kata kerja “meletus”. Penggunaan kata progresif “sedang” dalam data ini merujuk keadaan populasi penduduk di sesebuah negara. Dalam konteks (2c) tersebut juga menunjukkan kata progresif “sedang” boleh hadir bersama-sama kelas predikat pencapaian tanpa kehadiran kata adverbs masa. Kehadiran progresif “sedang” dalam konteks (2c) ini adalah disebabkan oleh ciri untuk menerangkan sesuatu pola atau trend semasa yang berlaku dari sudut populasi penduduk. Sekiranya kata progresif “sedang” tidak wujud bersama-sama dengan kata kerja “meletus”, ayat ini akan mengalami perubahan makna seperti (2d) dan mendukung makna bahawa seakan-akan penduduk dalam sesebuah negara “marah”. Sedangkan makna sebenar dalam konteks (2c) adalah untuk menerangkan trend populasi penduduk (manusia) yang tidak boleh digambarkan sebagai objek yang boleh “meletus”.

Berdasarkan teori TPR serta pendekatan Rothstein (2004), penggunaan kata progresif “sedang” dalam kedua-dua konteks (2a) dan (2c) menunjukkan ciri kelas predikat pencapaian-kemuncak, iaitu kelas predikat yang menggambarkan sesuatu yang bersifat abstrak (suara dan populasi) serta menerangkan suatu keadaan yang berlaku dan suatu trend semasa semerta. Dalam konteks ini, tiada sebarang perubahan keadaan berlaku dan hanya mengalami perubahan makna dalam ayat sahaja.

Seterusnya, kehadiran kata progresif “sedang” dalam data (3) menunjukkan sedikit kelainan berbanding data (1) dan (2). Hal ini dikatakan demikian kerana kata progresif “sedang” hadir dalam kelas predikat pencapaian yang diberi imbuhan beR- seperti data (3a) dan (3c) tersebut.

### Data 3

- a. Pada malam 22 Mei, situasi di Jakarta amat genting sekali kerana ABRI **sedang berpecah**.
- \*b. Pada malam 22 Mei, situasi di Jakarta amat genting sekali kerana ABRI **berpecah**.
- c. Kesatuan umat manusia **sedang berpecah** amat merungsingkan pemimpin ketika ini.
- \*d. Kesatuan umat manusia **berpecah** amat merungsingkan pemimpin ketika ini.

Data (3a) dan (3c) tersebut menunjukkan kehadiran kata progresif “sedang” dalam kelas predikat pencapaian “pecah”. Penggunaan kata progresif “sedang” dalam data ini merujuk keadaan sesebuah organisasi. Kehadiran kata progresif “sedang” dalam konteks (3a) dan (3c) adalah disebabkan kata adverba masa, iaitu *pada malam 22 Mei* yang berada di kedudukan awal ayat (3a) dan kata adverba masa *ketika ini* di kedudukan hujung ayat (3c). Selain itu, konteks (3a) dan (3c) menunjukkan predikat pencapaian pecah boleh menerima “sedang” kerana ayat tersebut ditandai dengan kehadiran imbuhan beR- yang berfungsi membentuk kata kerja “berpecah”.

Sekiranya kata progresif “sedang” tidak wujud bersama-sama dengan kata kerja “berpecah” seperti (3b) dan (3d), konteks ayat tersebut menjadi kurang gramatis dan sekali gus ketiadaan kata progresif “sedang” akan mengubah makna keseluruhan ayat tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam kedua-dua konteks tersebut, kata progresif “sedang” yang hadir dalam kelas predikat pencapaian “berpecah” memberikan gambaran tentang situasi sesebuah organisasi yang mengalami perpecahan. Situasi organisasi adalah bersifat abstrak dan jika hanya meletakkan kata kerja “berpecah” selepas frasa ABRI dan *kesatuan umat manusia*, konteks ayat tersebut adalah janggal dan tidak gramatis.

Berdasarkan teori TPR dan pandangan yang dikemukakan oleh Rothstein (2004), penggunaan kata progresif “sedang” dalam kedua-dua konteks (3a) dan (3c) menunjukkan ciri kelas predikat pencapaian-kemuncak, iaitu kelas predikat yang menggambarkan sesuatu yang bersifat abstrak (perpecahan sesebuah organisasi) serta menerangkan suatu keadaan bersifat semerta. Dalam konteks ini, tiada sebarang perubahan keadaan berlaku dan hanya mengalami perubahan makna dalam ayat sahaja.

Namun, terdapat pandangan lain yang menyatakan bahawa kata kerja “pecah” boleh dikelaskan sebagai kata kerja keadaan seperti yang dinyatakan oleh Noraini, Maslida dan Karim (2013). Kajian tersebut meneliti kata kerja *aktionsart* bagi kelas predikat keadaan, sekali gus menunjukkan bahawa kata kerja “pecah” wujud sebagai kelas predikat keadaan subkelas kondisi. Oleh itu, kata kerja “pecah” dapat menerima imbuhan beR- dan boleh hadir bersama dengan kata progresif “sedang”. Oleh itu, dalam konteks data (3) tersebut, kata progresif “sedang” sebenarnya hadir dalam kelas predikat keadaan dan bukannya hadir dalam kelas predikat pencapaian.

Analisis seterusnya menunjukkan kata progresif “sedang” yang hadir di depan kelas predikat pencapaian yang tidak menggunakan sebarang imbuhan, iaitu kata kerja “muncul” seperti dalam data (4) dan “sampai” dalam data (5).

#### Data 4

- a. Peletakan semula negara itu di dalam indeksinya bagi pasaran saham **sedang muncul** pada 1 November.
- \*b. Peletakan semula negara itu di dalam indeksinya bagi pasaran saham **muncul** pada 1 November.
- c. Belanda kini **sedang muncul** sebagai kuasa Eropah yang kuat sehingga dapat memberikan saingan dan ancaman kepada Portugis dan Aceh.
- \*d. Belanda kini **muncul** sebagai kuasa Eropah yang kuat sehingga dapat memberikan saingan dan ancaman kepada Portugis dan Aceh.

Kehadiran kata progresif “sedang” sebelum kata kerja “muncul” seperti dalam data (4a) dan (4b) menunjukkan bahawa kelas predikat pencapaian tersebut boleh menerima kehadiran progresif sedang kerana ciri kelas predikat-kemuncak yang didukung oleh makna “muncul” tersebut. Kata kerja “muncul” dalam kedua-dua konteks tersebut memberikan gambaran bahawa terdapat suatu trend atau pola yang ditonjolkan dalam bidang ekonomi dan politik. Kedua-dua konteks tersebut merupakan sesuatu yang abstrak kerana menjelaskan trend dalam pasaran saham serta kuasa negara Belanda. Selain itu, kata progresif “sedang” dalam kedua-dua konteks hadir bersama-sama dengan adverba masa *pada 1 November* bagi data (4a) dan adverba masa *kini* bagi data (4c). Hal ini menyokong pandangan yang menunjukkan bahawa, pola kelaziman kata progresif “sedang” hadir dalam kelas predikat pencapaian adalah kerana kewujudan adverba masa.

Dalam konteks ayat (4b) dan (4d), kelas predikat pencapaian tanpa kehadiran kata progresif “sedang” mendukung makna yang berbeza daripada ayat (4a) dan (4c). Hal ini dikatakan demikian kerana, kata progresif “sedang” yang hadir dalam kelas predikat pencapaian tersebut menunjukkan maksud bahawa sesuatu keadaan itu bersifat semerta dan penting dalam hal menerangkan kemunculan indeks pasaran saham serta kuasa besar tersebut. Menerusi penerapan teori TPR serta pendekatan Rothstein (2004), penggunaan kata progresif “sedang” dalam ayat (4a) dan (4c) menunjukkan ciri kelas predikat pencapaian-kemuncak, iaitu kelas predikat yang menggambarkan sesuatu yang bersifat abstrak serta

menerangkan suatu pola semasa dalam bidang ekonomi dan politik yang bersifat semerta.

Data yang terakhir yang dibincangkan dalam kajian ini ialah kehadiran kata progresif “sedang” dalam kelas predikat pencapaian “sampai” seperti (5a) dan (5c) yang berikut.

#### Data 5

- a. Ketika kami **sedang sampai** di sisi ibu dengan dahulu-mendahului, kelihatan ibu kami sedang pengsan terbaring di atas tanah.
- \*b. Ketika kami **sampai** di sisi ibu dengan dahulu-mendahului, kelihatan ibu kami sedang pengsan terbaring di atas tanah.
- c. Dia tahu kawannya **sedang sampai** ke puncak igauannya.
- \*d. Dia tahu kawannya **sampai** ke puncak igauannya.

Konteks kehadiran kata progresif “sedang” dalam data (5a) dan (5c) mendukung makna bahawa kata kerja “sampai” merupakan kelas predikat pencapaian-kemuncak. Kehadiran kata progresif “sedang” sebelum kata kerja “sampai” dalam data (5a) adalah kerana wujud adverba masa *ketika* dan *dengan dahulu-mendahului*. Kata kerja “sampai” dalam konteks ayat (5a) memberikan gambaran bahawa pelaku mengalami perubahan daripada satu kedudukan kepada suatu kedudukan akhir (*di sisi ibu*) dalam keadaan semerta. Sekiranya, kata progresif “sedang” digugurkan daripada ayat tersebut seperti data (5b), hal ini sudah mendukung makna yang berbeza. Ayat dalam (5b) membawa maksud bahawa pelaku sememangnya telah berada di sisi ibu mereka, dan sebenarnya konteks ayat (5b) itu tidak gramatis kerana terdapat adverba masa dengan *dahulu-mendahului* yang menunjukkan perbezaan masa setiap pelaku. Oleh itu, kata progresif “sedang” dalam kelas predikat pencapaian “sampai” berdasarkan konteks (5a) adalah sangat ideal bagi menerangkan maksud kelas predikat pencapaian-kemuncak.

Huraian tentang kelas predikat pencapaian-kemuncak tersebut juga disokong dengan makna berdasarkan konteks ayat dalam (5c). Kehadiran kata progresif “sedang” sebelum kata kerja “sampai” dalam (5c) memberikan gambaran bahawa suatu andaian oleh pelaku tentang rakannya yang menghampiri *puncak igauan*. Hal ini menjelaskan bahawa, kata progresif “sedang” tersebut berperanan untuk menentukan terdapatnya perubahan daripada suatu kedudukan kepada suatu kedudukan yang

lain (*puncak igauan*). Jika, kata progresif “sedang” digugurkan seperti yang ditunjukkan dalam ayat (5d), makna konteks (5c) tersebut telah berubah kerana tidak memperlihatkan perubahan suatu kedudukan untuk sampai ke puncak igauan. Maka, jelaslah di sini bahawa kelas predikat pencapaian dalam konteks ayat (5c) juga mendukung ciri kelas predikat pencapaian-kemuncak kerana mendukung maksud perubahan daripada suatu kedudukan kepada kedudukan yang lain.

Menerusi penerapan teori TPR serta pendekatan Rothstein (2004), penggunaan kata progresif “sedang” dalam ayat (5a) dan (5c) menunjukkan ciri kelas predikat pencapaian-kemuncak, iaitu perubahan daripada suatu kedudukan kepada suatu kedudukan lain yang bersifat semerta. Selain itu, ciri fitur keterbatasan dalam ayat ini jelas menepati pandangan yang dikemukakan oleh Rothstein (2004) dan teori TPR bahawa kelas predikat pencapaian mengandungi fitur [-statik] dan [+titik penamat] walaupun hadir bersama-sama kata progresif “sedang”.

Secara keseluruhannya, berdasarkan analisis dapatan tersebut, dapat disimpulkan bahawa kata progresif “sedang” boleh hadir dalam predikat pencapaian berdasarkan dua ciri, iaitu:

- (i) Kelas predikat pencapaian-kemuncak (*culmination-achievement*)<sup>2</sup>
  - Ciri keadaan yang menerangkan suatu pola atau trend dalam sesuatu bidang seperti ekonomi dan politik berdasarkan entri *sedang meletup*, *sedang meletus* dan *sedang muncul*.
  - Ciri perubahan dari suatu kedudukan ke kedudukan yang lain yang bersifat semerta seperti *sedang sampai*.
  
- (ii) Kehadiran kata adverba masa
  - Asmah (1993) menerusi aliran tatabahasa fungsional telah memberikan huraian tentang kehadiran adverba dalam bahasa Melayu dan menyenaraikan 29 jenis adverba dan salah satu daripadanya ialah adverba waktu. Adverba ini biasanya ditandai dengan perkataan *sekarang*, *kini*, *tadi*, *besok*, *lusa*, *kelmarin*, *sebelum*, *setiba* dan *sewaktu*.
  - Ciri adverba masa ini mendukung makna kata progresif “sedang” dalam predikat pencapaian bagi memperlihatkan keadaan yang menunjukkan tempoh walaupun tempoh yang singkat.

Kata kerja “pecah” yang hadir selepas kata progresif “sedang” pula telah mengalami perubahan menjadi kelas predikat keadaan apabila menerima imbuhan *beR-*. Kata progresif “sedang” hadir dalam kelas predikat keadaan yang diberi imbuhan *beR-* untuk menunjukkan suatu ciri kondisi perubahan yang abstrak (melibatkan organisasi) seperti *sedang berpecah*.

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan huraian, dapat disimpulkan bahawa dalam bahasa Melayu, predikat pencapaian boleh menerima kata progresif “sedang” berdasarkan janaan data korpus. Dapatan ini telah menyangkal pandangan yang menyatakan bahawa kata progresif “sedang” tidak boleh hadir dalam predikat pencapaian. Selain itu, terdapat beberapa ciri yang menunjukkan bahawa kata progresif “sedang” secara bebas boleh hadir dalam kelas predikat pencapaian, khususnya kelas predikat pencapaian-kemuncak (*culmination-achievement*). Selain itu, kehadiran kata progresif “sedang” dalam kelas predikat bahasa Melayu berdasarkan janaan korpus juga bergantung pada ciri kehadiran kata adverba masa dan kehadiran imbuhan *beR-*.

## NOTA

1. Rujuk Jadual 1 bagi melihat fitur keterbatasan kelas predikat pencapaian.
2. Bertepatan dengan pandangan yang telah dikemukakan oleh Bach (1989) dan Rothstein (2004).

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir*. Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslida Yusof. (2006). Representasi semantik preposisi dalam kata kerja bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 112-135.
- Mohd Shaffie Abu Bakar. 1987. *Metodologi penyelidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraini Salleh, Maslida Yusof & Karim Harun. (2013). Klasifikasi aktionsart predikat keadaan bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 13 (2), 192-216.
- Sistem Pangkalan Data Korpus Bahasa Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rothstein, Susan. (2004). *Structuring event: A study in the semantic of lexical*. United Kingdom.

- Van Valin, R., (2005). *Exploring the syntax-semantics interface*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Vendler, Z., (1967). *Linguistics in philosophy*. New York: Cornell University Press
- Zaharani Ahmad. (2008). *Aspek nahu praktis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zsofia Gyarmathy. (2015). *Achievements, durativity and scales*. Berlin: Logos Verlag Berlin GmbH.

Diperoleh (*received*): 7 Jun 2017

Diterima (*accepted*): 19 September 2017